

Uia juara MULVEC 2017 siri 3



KUMPULAN EZ dari Uia muncul juara pertandingan MULVEC 2017 Siri 3. Hadiah disampaikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh (tengah) di Dewan Besar Utusan Malaysia, hari ini. - UTUSAN ONLINE

30 Januari 2018 10:35 AM

KUALA LUMPUR Jan. 30 - Kumpulan EZ dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA) muncul juara Pertandingan Video Multimedia (Mulvec 2017) siri 3 sekaligus menggondol hadiah berjumlah RM10,000.

Tempat kedua jatuh kepada Kelab Media PSA dari Politeknik Shah Alam, diikuti kumpulan Connected dari Universiti Malaya (UM).

Bagi siri 2, tiada pemenang utama diumumkan.

Majlis penyampaian hadiah di Dewan Besar Utusan Malaysia, di sini hari ini disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

Turut hadir, Pengarah Urusan Kumpulan Utusan Malaysia, Datuk Noordin Abbas, dan Ketua Pengarang Kumpulan, Utusan Malaysia, Datuk Abdul Aziz Ishak.

Mulvec merupakan pertandingan video pendek khusus buat pelajar institusi pengajian awam dan swasta, dalam menyerlahkan kreativiti dan sudut artistik mereka.

Pertandingan ini dianjurkan oleh KPT dengan kerjasama Unit Media Baharu, Utusan Malaysia. - UTUSAN ONLINE

Artikel Penuh: <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/uia-juara-mulvec-2017-siri-3-1.599992#ixzz55oXvuqAT>

© Utusan Melayu (M) Bhd